



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/08/01_42 (HQ)

TNB DAN PETRONAS BERGABUNG UNTUK MENGEMBANGKAN EKONOMI HIDROGEN MELALUI KAJIAN BERSAMA KEBOLEHLAKSANAAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN HIDROGEN

- TNB dan PETRONAS sedang mencapai kemajuan dalam memacu ekonomi hidrogen

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan **PETRONAS** memahatkan satu tanda pembangunan perniagaan hidrogen di Malaysia dengan memeterai Perjanjian Kajian Bersama Kebolehlaksanaan (JFSA), yang mengukuhkan komitmen mereka memajukan ekonomi hidrogen.

Susulan Memorandum Persefahaman (MOU) ditandatangani sebelum ini, JFSA menggariskan komitmen kedua-dua pemimpin industri untuk bekerjasama dan memperkukuh sinergi bagi meneroka serta membangunkan usaha niaga dalam kepesatan bidang hidrogen hijau. Kerjasama ini menandakan visi bersama syarikat untuk mempercepatkan penggunaan teknologi bersih seperti hidrogen dan pemerangkapan karbon, untuk menyahkarbonkan sektor tenaga.

"Perjanjian ini menjadi bukti dedikasi kami yang tidak berbelah bahagi untuk menyatukan pemain industri dan menjalin sinergi yang kuat. Bersama-sama kami komited untuk meneroka dan membangunkan usaha niaga dalam bidang berpotensi hidrogen hijau," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din yang menekankan visinya untuk perkongsian transformatif di antara TNB dan PETRONAS.

Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga (Chief Strategy & Ventures Officer) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan ketika berucap di majlis menandatangani perjanjian itu menekankan kepentingan kolaborasi dan peranannya dalam mencapai amalan lestari. "Kerjasama ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara tetapi juga mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Bersama-sama, kita boleh mengenegahkan penyelesaian inovatif, memacu amalan mampan dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan berkembang maju," katanya.

"Gabungan PETRONAS dan TNB menghimpunkan pengalaman lebih 120 tahun dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Bersama-sama, kami berharap dapat membangunkan ekosistem teknologi dan infrastruktur untuk tenaga bersih yang diperlukan dalam memajukan matlamat kemampuan negara dan menyokong peralihan tenaga saksama untuk generasi akan datang," kata PETRONAS Senior Vice President of Project Delivery and Technology, Datuk Bacho Pilong.

Kerjasama strategik di antara TNB dan PETRONAS mempunyai kepentingan khusus dalam menangani cabaran penyahkarbonan industri tenaga, yang mana kedua-dua organisasi memainkan peranan penting. Menyedari potensi hidrogen sebagai sumber tenaga yang serba boleh dan bersih, mereka berhasrat untuk memanfaatkan sumber ini bagi mengurangkan pelepasan karbon dalam sektor seperti pengangkutan, pembuatan dan penjanaan tenaga. TNB, sejajar dengan komitmennya untuk mencapai Sifar Bersih menjelang 2050, sedang meneroka penggunaan hidrogen dan ammonia sebagai pilihan pembakaran bersama dalam portfolio penjanaannya. Kerjasama itu juga membuka peluang kepada TNB untuk menceburi penggunaan hidrogen dalam mobiliti dan pembuatan.

Tambahan pula, perjanjian ini juga menandakan peristiwa penting dalam perjalanan ke arah masa depan yang lebih hijau dan lebih mampan. Melalui kajian ini, TNB dan PETRONAS bersama Gentari, syarikat tenaga bersih yang diasaskan oleh PETRONAS, akan menyelami pengetahuan tidak ternilai mengenai cabaran dan peluang tersaji dalam bidang hidrogen hijau. Ia akan membolehkan penyelesaian inovatif, pengenalpastian potensi pengambil alih hidrogen hijau dan perumusan rangka kerja kerjasama di antara TNB dan PETRONAS.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2023, jam 11:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din



Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga (Chief Strategy & Ventures Officer) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (empat dari kanan) bersama Senior Vice President of Project Delivery and Technology PETRONAS, Datuk Bacho Piong (empat dari kiri), memegang dokumen Perjanjian Kajian Bersama Kebolehlaksanaan (JFSA) yang telah ditandatangani. Majlis tandatangan itu disaksikan bekas Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Nor Azman Mufti (tiga dari kanan) dan Senior Vice President, Corporate Strategy PETRONAS, Mazuin Ismail (tiga dari kiri).

Turut hadir, Pengarah Urusan TNB Genco, Muhammad Nazri bin Pazil (dua dari kanan), Ketua BD & Komersial TNB Genco, Datuk Mohd Hisham Ab Halim (paling kanan); Vice Presiden Group Technology & Commercialisation PETRONAS, Aadrin Azly (dua dari kiri), dan Chief Green Mobility Officer, Gentari, M Shahrizal B Yang Razalli (paling kiri).